

ASAS-ASAS KEUSAHAWANAN DALAM KERANGKA MUAMALAH ISLAM

ASAS-ASAS KEUSAHAWANAN ISLAM

Umumnya, keusahawanan Islam memiliki asas-asas yang tertentu dalam mendasari kerangka pembentukan falsafahnya. Asas pembentukan ini menjadi acuan kepada pembangunan sistem keusahawanan yang bersifat holistik. Ia digarap melalui panduan wahyu iaitu bersumberkan dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Menurut Yusuf al-Qaradawi (1995) dalam segmen muamalah Islam, konsep keusahawanan Islam mempunyai asas-asas seperti berikut:

Ketuhanan (*Rabbani*)

Secara amnya, elemen *rabbani* menjadi nukleus kepada falsafah keusahawanan Islam. Ia memberi satu kefahaman yang jelas bahawa setiap perlakuan, aktiviti, penjanaaan idea, organisasi, pengumpulan dan pengembangan harta, penerokaan dan asas-asas keusahawanan yang lain adalah terikat dengan prinsip dan peraturan yang telah ditentukan oleh wahyu. Gambaran asas ini dapat dilihat berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam al-Quran seperti dalam surah al-Baqarah: 168, 172, 188, 275, 279, surah al-Nisa': 29. Berdasarkan kepada peruntukan ayat-ayat al-Quran tersebut didapati secara generalisasinya bahawa setiap aktiviti manusia yang berkaitan dengan hal ehwal perencanaan pembangunan keusahawanan dalam skop perekonomian perlu diteraskan kepada prinsip muamalah yang bersumberkan wahyu (*revealed principles*) (Mohd Saleh Ahmad, 2005).

Sebagai contoh, Allah SWT telah memberi petunjuk kepada manusia (pengusaha) agar tidak melakukan aktiviti-aktiviti atau sebarang unsur perlakuan yang mendorong kepada kerosakan, kebinasaan dan menyalahi kepentingan umum manusia. Dalam sesuatu transaksi yang dilakukan oleh manusia, Allah SWT telah mengharamkan unsur-unsur negatif seperti, riba, arak, penipuan, tidak jujur, menindas orang lain, memanipulasi harga, kegiatan menyorok barang, mencipta sesuatu dengan tujuan untuk memusnahkan kehidupan manusia dan alam, mengambil kesempatan ke atas kelemahan dan kekurangan orang lain dan sebagainya. Sebaliknya, Islam memberikan insentif kepada pengusaha iaitu habuan di dunia dan ganjaran di akhirat sekiranya manusia mematuhi segala ketentuan hukum yang telah ditentukan kepada manusia. Syariat Islam memberi penekanan kepada penghayatan norma-norma adab yang terpuji dan berusaha dengan tekun melaksanakan apa sahaja aktiviti yang boleh memanfaatkan masyarakat umum.

Oleh kerana kerangka keusahawanan Islam terikat dengan asas-asas *Ilahiah*, sudah pastilah ia akan memelihara manusia daripada melakukan sesuatu perkara yang boleh menjejaskan kepentingan umum manusia dan agama amnya. Justeru, apabila pengusaha berjaya mengadaptasi asas ini dalam aktiviti seharian ia akan menyuburkan lagi nilai-nilai mahmudah dalam diri individu dan secara tidak langsung akan mendapat keberkatan daripada apa yang diusahakannya. Apa yang pasti, nilai ketuhanan (*rabbani*) tidak dapat dijuzuk dan diasingkan dengan kehidupan manusia. Apabila jiwa manusia tidak dipenuhi dengan keyakinan yang tinggi kepada Penciptanya sudah tentulah kekosongan ini akan diisi dengan nilai-nilai negatif dan bisikan-bisikan halus (*nafsu*) yang mendorong manusia kepada kerosakan (*kefasadan*).

Kelalaian dan ketandusan jiwa manusia menghayati unsur-unsur ketuhanan dalam kehidupan mereka memberi impak yang negatif bukan sahaja di alam dunia bahkan yang lebih malang lagi di alam akhirat kelak. Apa sahaja yang diusahakan oleh